

Banjir di Johor makin buruk

JOHOR BAHRU – Jumlah mangsa banjir yang dipindahkan di Johor meningkat kepada 3,265 orang setakat pukul 8 malam tadi.

Menurut Portal Banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN) Johor, di Kluang empat lagi pusat pemindahan dibuka iaitu di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Linau, Dewan Parit Haji Hassan, Balai Raya Kampung Bentong dan Sekolah Agama Kampung Tengah 1.

Ia sekali gus menjadikan 16 pusat pemindahan banjir telah dibuka di daerah itu setakat ini.

Jumlah mangsa di daerah itu turut meningkat daripada 754 kepada 1,039 mangsa.

Pusat pemindahan lain di Kluang ialah Balai Raya Kampung Kolam Air, Balai Raya Kampung Berasau, Kampung Orang Asli Sungai Peroh, Balai Raya Kampung Punchor dan Balai Raya Taman Puteri.

Pusat pemindah lain ialah Balai Aktiviti Kampung Contoh, Balai Raya Kampung Batu 4 Paloh, Balai Raya Kampung Muhibbah, Balai Aktiviti Kampung Melayu Mardi, SK Sri Kencana, Simpang Renggam, Balai Raya Kampung Mengkibol dan SJK (C) Ping Min.

Dua lagi pusat pemindahan yang baharu dibuka di Batu Pahat ialah di Taman Sri Kota dan SK Kota Dalam, kedua-duanya di Yong Peng dengan jumlah mangsa setakat



Banjir



SEORANG penduduk menunjukkan kebun getah yang ditenggelami banjir di Kampung Usaha Jaya, Labis, Johor semalam.

pukul 10 pagi semalam berjumlah 65 orang.

Dua pusat pemindahan turut dibuka di Pontian iaitu SK Melayu Raya dan surau Kampung Tampok Laut dengan mangsa

seramai 74 orang.

Di Segamat, pusat pemindahan kekal tiga iaitu di Balai Islam Kampung Paya Dalam, Balai Raya Spangloi dan Balai Raya Kampung Usaha Jaya.

INFO Banjir di Johor

● Daerah-daerah yang terlibat ialah Kluang, Batu Pahat, Pontian, Segamat, Skudai, Kota Tinggi dan Kulai Jaya.

● Membabitkan sebanyak 28 pusat pemindahan banjir melibatkan seramai 1,718 mangsa.

● Empat pusat pemindahan yang baharu dibuka di Kluang ialah Sekolah Kebangsaan Sungai Linau, Dewan Parit Haji Hassan, Balai Raya Kampung Bentong dan Sekolah Agama Kampung Tengah 1.

● Nombor hotline untuk dihubungi ialah 07-2908011 dan 07-2908012.

SUMBER: Majlis Keselamatan Negara

Bagaimanapun, jumlah mangsa banjir meningkat kepada 86 orang semalam berbanding 81 mangsa kelmarin.

Jumlah mangsa banjir yang dipindahkan ke SK Batu 10, Skudai, Johor Bahru pula turut meningkat kepada 361 orang.

Jumlah mangsa banjir di Balai Raya Kampung Sungai Berangan, Kota Tinggi meningkat kepada 17 orang.

Dua lagi pusat pemindahan dibuka semalam iaitu Dewan Raya Kampung Murni Jaya dan Dewan Raya Kampung Sungai Siam di Kulai Jaya dengan 76 mangsa banjir. – Bernama

Banjir naik di paras dada, 60 keluarga dipindah

KLUANG – Air banjir yang naik sehingga ke paras dada memaksa 60 keluarga di Kampung Sungai Linau, Simpang Renggam dekat sini berpindah ke pusat pemindahan sementara semalam.

Tinjauan *Kosmo!* di pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan Sungai Linau (SKSL), Simpang Renggam bagaimanapun mendapati mangsa-mangsa banjir tidak mengalami masalah kekurangan makanan atau keperluan lain.

Di kampung tersebut juga terdapat ladang-ladang nanas yang ditenggelami air selain jalan tersekat ekoran pokok kelapa sawit tumbang ke jalan raya hingga menyukarkan penduduk pulang ke rumah.

Menurut seorang penduduk, Siti Zubaidah Basiron, 46, air sungai dari Sungai Ulu Benut melimpah setelah hujan berterusan sejak malam Sabtu lalu.

“Keadaan banjir tidak berapa teruk, namun air naik hingga ke dalam dapur rumah saya menyebabkan kerosakan tikar dan almari.

“Di kawasan rumah saya air naik hingga paras paha, namun tiada kejadian yang tidak diinginkan berlaku kerana kebanyakan penduduk telah berpindah lebih awal,” kata Siti Zubaidah ketika ditemui semalam.

Jelasnya, banjir tersebut juga menenggelamkan ladang na-



MOHD. ZULFAQQAR, 11, menggunakan sampan untuk membantu keluarganya mengangkat sayur-sayuran di Kampung Parit 4, Sungai Linau, Simpang Renggam yang dilanda banjir.

nas yang terdapat di kampung tersebut.

Seorang ibu tunggal, Bariah Munawi, 53, berkata sejak lima tahun kebelakangan ini, kawasan berkenaan dilanda banjir sekurang-kurangnya dua kali setahun.

“Sebelum ini, kampung ini hanya dilanda banjir lima ta-

hun sekali. Apabila dilanda banjir dua kali setahun, kami lebih bersedia dan telah memindahkan barang-barang penting ke tempat tinggi.

“Cuma bahagian dapur yang dinaiki air kerana lokasi rumah di kawasan rendah,” katanya yang tinggal bersama dua anaknya.

Wang ihsan banjir hanya diberi kepada mangsa yang pindah

KUANTAN – Bantuan wang ihsan mangsa banjir hanya akan diberikan kepada mereka yang berpindah ke pusat pemindahan banjir, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz.

Beliau berkata, ini kerana terdapat sesetengah pihak yang mengambil kesempatan membuat tuntutan palsu bagi mendapatkan wang ihsan tersebut.

“Pada tahun lepas, kita dapati ada dalam kalangan rakyat yang tidak terlibat banjir tetapi menyatakan mereka mangsa dan menerima wang ihsan kerana kita (kerajaan) kata yang tidak pindah pun dapat (wang ihsan).

“Tahun ini, tidak boleh lagi kerana banyak tuntutan palsu,” katanya ketika berucap pada majlis penyampaian bantuan wang ihsan RM500 kepada mangsa banjir di daerah Kuantan di sini semalam.

Mohamed Nazri berkata, seramai 3,055 orang daripada 730 keluarga ditempatkan di pusat pemindahan banjir setelah banjir melanda lima daerah di Pahang iaitu Kuantan, Rompin, Bentong, Raub dan Pekan pada 10 hingga 14 Disember lepas.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, 2,275 orang daripada 556 keluarga ditempatkan di pusat pemindahan banjir di daerah Kuantan. – Bernama



AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Panching, Zaili Besar (kanan) menyaksikan proses pengagihan sumbangan kepada mangsa banjir di Kuantan semalam.